



Ruj.Kami : PTSB/PENT/PEL101 JLD10 (61)  
Tarikh : 23 Februari 2021

## KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

Tuan,

## KEHADIRAN PELAJAR KE KAMPUS POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas serta kenyataan rasmi oleh YB Menteri Pengajian Tinggi pada 31 Januari 2021 berkaitan kemasukan semula pelajar Institusi Pengajian Tinggi ke kampus adalah berkaitan.

2. **Pelajar semester 2, 3, 4 & 5** Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSb) dikehendaki hadir secara fizikal ke kampus bagi mengikuti perkuliahan sesi Disember 2020. Sehubungan itu, pelajar semester seperti yang telah dinyatakan di atas perlu merancang pergerakan ke **kampus bermula pada 3 sehingga 10 Mac 2021** seperti jadual di bawah:

Pelajar Semester	Tarikh Lapor Diri Ke PTSB	Tarikh Memulakan Sesi Pdp Dalam Talian	Tarikh Memulakan Sesi Amali Secara Bersemuka
2	5 Mac 2021	7 Mac 2021	Sila rujuk jabatan akademik masing-masing
3	5 Mac 2021		
4	10 Mac 2021		
5	3 Mac 2021		

3. Sesi perkuliahan secara dalam talian akan bermula pada **7 Mac 2021** mengikut Kalendar Akademik Sesi Disember 2020. Manakala sesi amali secara bersemuka akan dilaksanakan mengikut penjadualan yang telah dibuat oleh jabatan akademik. Pelajar

perlu menghubungi Penasihat Akademik masing-masing bagi mendapatkan maklumat berkaitan sesi amali secara bersemuka.

4. Pelajar wajib memuat turun aplikasi **Deklarasi Kesihatan & Penilaian Risiko COVID-19 Pelajar Politeknik (PolyDec)** dari laman sesawang PTSB ke telefon pintar masing-masing dalam tempoh **EMPAT (4)** hari sebelum tarikh lapor diri ke PTSB seperti yang dijadualkan. Maklumat lanjut mengenai aplikasi PolyDec dan perincian mengenai **Proses Pengasingan Diri (Self Isolation) di Kamsis PTSB/ Rumah Sewa selama 10 hari** sila klik pautan berikut: <https://tinyurl.com/10tshg50>

5. Permohonan rentas sempadan boleh dibuat kepada pihak PDRM. **Sila bawa bersama surat ini, kad pengenalan serta kad pelajar** sebagai dokumen sokongan permohonan. Kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(YUSMA BINTI YUSOF)**

Pengarah

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah